

Vitaliti Dialek Kelantan di Jajahan Tumpat dalam Domain Terpilih

The Vitality of the Kelantan Dialect in Tumpat District across Selected Domains

MOHD KHAIDIR ABDUL WAHAB*, NUR HABIBAH CHE ROSDI
& CHONG SHIN

Received: 12-10-2024 / Accepted: 26-5-2025

ABSTRACT

This study evaluates the use and vitality of the Kelantan dialect in Tumpat, Kelantan, across three key domains: commerce, employment, and religion. The primary issue examined is the extent to which the Kelantan dialect continues to be used in various social interactions amidst the growing influence of the standard language and globalization. The study employs the Unconscious Recording Technique to obtain authentic data and minimize bias that may arise when participants are aware of being observed. In the commerce domain, data were collected at the Floating Market, Pulau Sri Tanjung, involving interactions between sellers and buyers, with respondents comprising six local vendors and ten buyers from diverse backgrounds. In the employment domain, the study was conducted at Pasar Sumayyah, involving two workers selling goods and three customers. In the religious domain, data were gathered at Masjid Kampung Laut during religious lectures, with the speaker as the primary participant. The theoretical framework of the study incorporates Fishman & Greenfield's (1970) domain model, which assesses language use in various social contexts, and UNESCO's (2011) Language Vitality Theory, which evaluates the threats to minority languages in the context of globalization. Findings indicate that the Kelantan dialect remains robust across all three domains, with traders, workers, and religious speakers consistently using the dialect in their daily interactions. Based on UNESCO's (2011) Language Vitality Theory, the findings suggest that the Kelantan dialect is in a "safe" state, as it continues to be actively used by all generations in these social contexts without any signs of generational decline. This signifies stable vitality and highlights the importance of the Kelantan dialect in preserving local cultural identity without significant threats to its intergenerational continuity.

Keywords: Sociolinguistics; Vitality; Kelantan Dialect; Commerce Domain; Employment Domain; Religious Domain

ABSTRAK

Kajian ini menilai penggunaan dan vitaliti dialek Kelantan di Tumpat, Kelantan, dalam tiga domain utama: jual beli, pekerjaan, dan agama. Isu utama yang dikaji ialah sejauh mana dialek Kelantan terus digunakan dalam pelbagai interaksi sosial di tengah-tengah pengaruh bahasa standard dan globalisasi yang semakin meningkat. Kajian ini menggunakan teknik Rakaman Tidak Sedar untuk memperoleh data yang autentik dan mengelakkan bias yang mungkin timbul apabila peserta sedar mereka sedang diperhatikan. Dalam domain jual beli, data dikumpul di Floating Market, Pulau Sri Tanjung, melibatkan interaksi antara penjual dan pembeli, dengan responden terdiri daripada 6 penjual tempatan dan 10 pembeli dari latar belakang yang berbeza. Dalam domain pekerjaan, kajian dilakukan di Pasar Sumayyah, melibatkan 2 pekerja yang menjual barang dan 3 orang pembeli. Dalam domain agama, data diperoleh di Masjid Kampung Laut semasa ceramah agama, dengan penceramah sebagai peserta utama. Kerangka teori kajian merangkumi model domain Fishman & Greenfield (1970) yang menilai penggunaan bahasa dalam pelbagai konteks sosial dan Teori Vitaliti Bahasa UNESCO (2011) yang menilai ancaman terhadap bahasa minoriti dalam konteks globalisasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dialek Kelantan tetap kukuh dalam ketiga-tiga domain ini, dengan peniaga, pekerja, dan penceramah terus menggunakan dialek ini dalam interaksi harian mereka. Berdasarkan kerangka Teori Vitaliti Bahasa UNESCO (2011), dapatan menunjukkan bahawa dialek Kelantan berada dalam keadaan "selamat" kerana masih digunakan secara aktif oleh semua generasi dalam konteks sosial ini tanpa


sebarang tanda penurunan antara generasi. Hal ini menandakan vitaliti yang stabil dan pentingnya dialek Kelantan dalam mengekalkan identiti budaya tempatan tanpa ancaman signifikan terhadap kesinambungannya antara generasi.

Kata Kunci: Sosiolinguistik; Vitaliti, dialek Kelantan; Domain Jual Beli; Domain Pekerjaan; Domain Keagamaan

Pengenalan

Dialek Kelantan merupakan salah satu daripada variasi bahasa Melayu yang mempunyai keunikan tersendiri dalam aspek sebutan, kosa kata, dan intonasi. Dialek ini bukan sahaja digunakan secara meluas oleh penduduk di negeri Kelantan, tetapi juga di kawasan berhampiran, seperti Jajahan Tumpat. Jajahan Tumpat (Jawi: **تومت**) ialah sebuah jajahan di negeri Kelantan. Jajahan Tumpat merupakan jajahan terkecil di Kelantan dan terletak di penghujung utara negeri Kelantan. Jajahan Tumpat juga terletak kira-kira 15 kilometer dari bandar Kota Bharu, ibu negeri Kelantan. Pusat pentadbiran jajahan Tumpat ialah Bandar Tumpat.

Jajahan Tumpat ditubuhkan pada 1 Januari 1949 di kawasan Padang Mahkota, berhadapan dengan kediaman rasmi Ketua Jajahan. Pada waktu permulaannya, Allahyarham Dato' Nik Hussein bin Nik Zainal (Dato' Kaya Setia) telah dilantik sebagai Ketua Jajahan yang pertama. Pembangunan di Tumpat pada ketika itu berkembang pesat selari dengan kemajuan Pelabuhan dan Stesen Keretapi, yang menjadi nadi utama perhubungan dan pengangkutan di Pantai Timur. Tumpat merupakan jajahan terkecil di Negeri Kelantan, dengan keluasan hanya 169.5 km². Namun begitu, jajahan ini unik kerana terdiri daripada dataran dan ratusan pulau sungai yang rata, menjadikannya kawasan yang sangat sesuai dan berpotensi untuk dijadikan destinasi pelancongan antarabangsa. Pentadbiran Tumpat dibahagikan kepada tujuh daerah penggawa dan terdiri daripada 30 mukim. Setiap mukim pula mempunyai beberapa kampung, dengan jumlah keseluruhan 57 kampung, dan setiap kampung diketuai oleh seorang penghulu (Ketua Kampung) yang bertindak sebagai perantara antara rakyat dan pentadbiran jajahan. (Portal Majlis Daerah Tumpat, 2020).



RAJAH 1. Peta Jajahan Tumpat

(Sumber: Portal Rasmi Pejabat Tanah dan jajahan Tumpat di <https://ptjt.kelantan.gov.my/index.php/ms/info-korporat/sejarah-penubuhan>).

Penggunaan dialek Kelantan di Jajahan Tumpat bukan sahaja mencerminkan identiti bahasa masyarakat setempat, tetapi juga menjadi salah satu elemen penting dalam mempertahankan warisan budaya dan tradisi. Dialek ini digunakan dalam pelbagai konteks, termasuk dalam komunikasi harian, upacara keagamaan, dan perbualan sosial, menjadikannya satu aspek yang menyatukan komuniti di Tumpat. Di samping itu, keunikan dialek Kelantan turut menarik minat pengkaji bahasa dan budaya, yang melihatnya sebagai satu bentuk kekayaan linguistik yang perlu dipelihara dan didokumentasikan.

Selain peranannya dalam budaya dan bahasa, Jajahan Tumpat juga memiliki kepentingan strategik dari segi geografi dan ekonomi. Kedudukannya yang berhampiran dengan sempadan Thailand menjadikannya sebagai salah satu pintu masuk utama ke negara ini, sekali gus merancakkan aktiviti perdagangan dan pelancongan. Bandar Tumpat, sebagai pusat pentadbiran, menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan kepada penduduk tempatan, selain menjadi tumpuan bagi aktiviti perniagaan kecil dan sederhana. Dalam konteks ini, dialek Kelantan terus memainkan peranan penting dalam memastikan komunikasi yang berkesan dan pemeliharaan identiti komuniti di tengah-tengah perubahan sosial dan ekonomi yang berlaku di jajahan ini.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam kajian ini, konsep vitaliti bahasa merujuk kepada tahap kelangsungan dan kekuatan sesuatu dialek dalam komuniti penutur, yang dinilai berdasarkan penggunaannya dalam pelbagai domain kehidupan. Menurut Giles, Bourhis, dan Taylor (1977), vitaliti sesuatu bahasa atau dialek bergantung kepada tiga faktor utama, iaitu status, demografi, dan sokongan institusi. Status merujuk kepada kedudukan sosial, ekonomi, dan politik bahasa dalam masyarakat, manakala faktor demografi melibatkan bilangan penutur serta mobiliti penduduk yang mempengaruhi kelangsungan dialek. Selain itu, sokongan institusi merangkumi penggunaan bahasa dalam sistem pendidikan, media, pentadbiran kerajaan, dan institusi agama. Dalam konteks dialek Kelantan di Jajahan Tumpat, vitaliti dialek ini dikaji melalui penggunaannya dalam domain pekerjaan, jual beli, dan keagamaan. Dalam konteks masyarakat Kelantan, dialek bukan sahaja berfungsi sebagai medium komunikasi, tetapi juga sebagai penanda identiti etnik dan budaya. Menurut Asmah Omar (2008), dialek-dialek dalam bahasa Melayu, termasuk dialek Kelantan, memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan keunikan identiti etnik sesebuah komuniti, iaitu pengekalannya ini berkait rapat dengan rasa bangga terhadap warisan budaya.

Tumpat, sebuah jajahan yang terletak di sempadan Malaysia-Thailand, telah lama menjadi pusat pertemuan pelbagai budaya dan perdagangan sejak abad ke-19. Kawasan ini bukan sahaja menjadi laluan perdagangan, tetapi juga pusat penyebaran budaya dan bahasa, termasuk dialek Kelantan yang terus menjadi bahasa utama dalam interaksi sosial di sini. Namun, dengan pengaruh globalisasi dan proses urbanisasi yang semakin meningkat, wujud kebimbangan mengenai potensi kemerosotan penggunaan dialek ini, terutama dalam kalangan generasi muda. Kajian oleh Siti Noraini & Nor Hashimah (2018) menyokong kebimbangan ini dengan menunjukkan bahawa globalisasi sering kali membawa kepada pengurangan penggunaan bahasa atau dialek tempatan, apabila bahasa yang lebih dominan seperti bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris semakin mendapat tempat. Fenomena ini bukan sahaja dilihat sebagai ancaman kepada kelangsungan dialek tempatan, tetapi juga kepada identiti budaya yang berkait rapat dengannya.

Kajian ini bertujuan untuk meneliti dan menganalisis tahap penggunaan dan keberkesanan dialek Kelantan di Jajahan Tumpat dalam menghadapi perubahan sosio-budaya semasa. Dengan

fokus kepada domain-domain tertentu seperti pekerjaan, jual beli, dan keagamaan, kajian ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kedudukan dan peranan dialek Kelantan dalam masyarakat hari ini.

PERMASALAHAN KAJIAN

Walaupun dialek Kelantan memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti budaya dan bahasa di Jajahan Tumpat, terdapat cabaran yang semakin ketara dalam memastikan kelangsungan penggunaannya, terutama dalam konteks perubahan sosio-budaya yang pesat. Penyelidikan oleh sarjana sosiolinguistik Barat, seperti Fishman (1991), menekankan pentingnya domain sosial dalam mengekalkan bahasa minoriti. Dalam konteks Tumpat, terdapat persoalan sejauh mana dialek Kelantan dapat bertahan dalam domain seperti pekerjaan, jual beli, dan keagamaan, terutama dengan pengaruh globalisasi yang semakin mendominasi.

Globalisasi dan urbanisasi telah membawa perubahan besar dalam corak penggunaan bahasa, iaitu bahasa yang lebih dominan seperti bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris semakin mendapat tempat dalam pelbagai lapisan masyarakat. Ini selaras dengan pandangan Fishman (1991) yang menyatakan bahawa bahasa minoriti cenderung untuk terpinggir apabila bahasa majoriti mengambil alih peranan dalam domain rasmi dan tidak rasmi. Bagi Jajahan Tumpat, yang terletak di sempadan Malaysia-Thailand, terdapat kebimbangan bahawa perubahan ini mungkin mengancam vitaliti dialek Kelantan, terutamanya dalam kalangan generasi muda yang lebih terdedah kepada pengaruh luar.

Kajian ini akan cuba menjawab persoalan tentang tahap penggunaan dialek Kelantan dalam domain-domain terpilih di Jajahan Tumpat, serta mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada sama ada kelangsungan atau kemerosotannya.

KOSA ILMU

Dalam usaha menentukan vitaliti dialek Kelantan di Jajahan Tumpat, pengkaji telah menyorot beberapa kajian lepas berkaitan fokus kajian ini. Bahagian ini dimulakan dengan ulasan kajian-kajian lepas yang khusus tentang dialek Kelantan dan kajian berkaitan vitaliti.

Kajian mengenai dialek Melayu Kelantan telah banyak dijalankan, termasuk kajian awal yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar (1985, 2015). Dalam kajian tersebut, Asmah membincangkan aspek fonologi dialek Kelantan khususnya subdialek Kota Bharu. Kajian ini menunjukkan bahawa dialek Kelantan memiliki tahap keseragaman yang tinggi, walaupun terpengaruh oleh dialek-dialek luar seperti dialek Patani, Pahang, Terengganu, dan Perak. Walau bagaimanapun, kajian Asmah ini bersifat umum dan luas. Walaupun demikian, analisis dan penemuan yang dihasilkan oleh kajian ini memberikan asas yang penting bagi pengkaji lain dalam membangunkan kajian yang lebih mendalam dan spesifik mengenai dialek Kelantan.

Kajian oleh Siti Rahimah Mustaffa et al. (2017), iaitu "Pelestarian Dialek Kelantan di Besut dan kaitannya dengan Pembentukan Jati Diri" memfokuskan kepada peranan dialek Kelantan dalam pembentukan jati diri masyarakat di Besut, Terengganu. Menggunakan teori pembentukan jati diri yang diubah suai daripada Abdullah Hassan, Hipotesis Sapir-Whorf, dan teori gelombang, kajian ini melibatkan 120 responden Melayu di Besut untuk mengumpulkan data melalui soal selidik yang dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun dialek Kelantan memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri, ia

bukan satu-satunya faktor; elemen lain seperti budaya, geografi, leluhur, dan agama juga berperanan dalam menentukan identiti masyarakat. Kajian ini memberi pandangan yang mendalam tentang cara jati diri masyarakat penutur dialek Kelantan di Besut dibentuk dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor.

Kajian oleh Azrizan Abu Bakar & Karim Harun (2015) memfokuskan kepada cara penggunaan kata ganti nama diri dalam dialek Kelantan menerusi platform aplikasi pesanan ringkas, *WhatsApp*. Kajian ini melibatkan analisis 1,060 chat yang diperoleh melalui sejarah chat yang dihantar melalui e-mel. Model Grid Speaking yang dikembangkan oleh Hymes (1974) digunakan untuk membincangkan data. Dapatan menunjukkan bahawa kata ganti nama diri dalam dialek Kelantan memiliki ciri-ciri unik dan variasi yang luas, dengan penggunaan kata ganti diri pertama seperti 'ambo' paling kerap ditemui. Kajian ini juga menunjukkan ketidakpastian dalam ejaan dan makna kata ganti nama diri, dengan contoh seperti 'ore', 'ogre', dan 'kotram'. Penemuan ini memberikan wawasan mengenai perbezaan penggunaan kata ganti nama diri dalam komunikasi bertulis melalui WhatsApp berbanding komunikasi lisan, serta membantu penyelidik memahami variasi penggunaan dalam konteks digital.

Nur Syahmina Supian, Harishon Radzi, Junaini Kasdan dan Siti Noraini Hamzah (2023) membincangkan pendekatan terkini dalam kajian dialek, khususnya penggunaan teknologi *Geographical Information System* (GIS) untuk analisis dan pemetaan dialek di Kelantan Utara. Kajian ini menekankan pentingnya pendekatan sistematik dan objektif dalam kajian dialek untuk memastikan hasil yang ilmiah dan saintifik. Dengan memanfaatkan GIS, kajian ini dapat menghasilkan peta dialek yang lebih autentik berbanding dengan kaedah tradisional yang menggunakan lakaran tangan. Data dikumpulkan melalui kajian lapangan di tujuh daerah di Kelantan Utara, melibatkan pelbagai lapisan umur termasuk remaja, dewasa, dan warga tua. Dapatan awal mengenai varian leksikal yang diperoleh dianalisis lebih lanjut menggunakan GIS untuk menghasilkan peta isoglos dan koroplet, memberikan gambaran jelas mengenai penyebaran dialek Melayu di kawasan tersebut. Kajian ini bukan sahaja memaparkan kemajuan dalam teknik kajian dialek tetapi juga menunjukkan cara teknologi moden dapat mengisi kekurangan dalam kajian tradisional.

Kajian oleh Adi Yasran (2011, 2012) dan Zurina Abdullah bersama Ajid Che Kob (2019) mengkaji aspek fonologi dialek Kelantan menggunakan Teori Optimaliti (TO). Adi Yasran (2011) mengkaji interaksi kekangan dalam suku kata dasar dialek Kelantan, mendapati adanya hierarki kekangan yang berbeza berbanding dengan bahasa Melayu standard. Kajian lanjutannya pada tahun 2012 menjelaskan aspek fonotaktik khususnya posisi koda suku kata dalam dialek tersebut. Selain itu, Zurina Abdullah dan Ajid Che Kob (2019) memfokuskan pada perubahan bunyi vokal dan konsonan dalam dialek Kelantan, termasuk urutan vokal-konsonan dan geseran pada posisi akhir kata. Kajian-kajian ini menekankan aspek teoritis Teori Optimaliti dalam analisis fonologi, memperlihatkan keunikan dialek Kelantan melalui pendekatan multidisiplin.

Dalam konteks sosiolinguistik, kajian tentang pilihan bahasa dan vitaliti dialek Kelantan khususnya di Jajahan Tumpat masih kurang dan belum banyak diterokai. Kajian lepas seperti yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar (1985, 2015) dan kajian fonologi oleh Adi Yasran (2011, 2012) serta Zurina Abdullah dan Ajid Che Kob (2019) memberi tumpuan kepada aspek fonologi dan struktur bahasa, tetapi tidak memberikan penekanan khusus berkaitan pilihan bahasa yang dapat mempengaruhi vitaliti dialek dalam konteks sosial dan budaya tertentu. Kajian-kajian ini lebih menekankan aspek teknikal fonologi dan tidak menyelidik secara mendalam proses perubahan dalam pilihan bahasa dapat mempengaruhi status dan penggunaan dialek dalam komuniti sehari-hari. Tambahan pula, kajian mengenai penggunaan dialek dalam komunikasi digital seperti

WhatsApp oleh Azrizan Abu Bakar dan Karim Harun (2015) menunjukkan variasi dalam kata ganti nama diri tetapi tidak memberikan perspektif yang luas mengenai cara pilihan bahasa mempengaruhi identiti sosial dan pembentukan komuniti. Kajian menggunakan teknologi seperti GIS oleh Nur Syahmina Supian, Harishon Radzi, Junaini Kasdan dan Siti Noraini Hamzah (2023) memberikan gambaran mengenai penyebaran dialek tetapi tidak menyentuh aspek sosiolinguistik dalam pilihan bahasa. Oleh itu, kajian baru yang menekankan hubungan antara pilihan bahasa dan vitaliti dialek Kelantan di Tumpat, serta gambaran berkaitan dengan pembentukan identiti sosial dan budaya, adalah sangat diperlukan untuk melengkapkan jurang pengetahuan ini.

Kajian oleh Najib Noorashid (2021) menilai vitaliti semasa bahasa Melayu di Brunei Darussalam dengan meneliti dua variannya, iaitu bahasa Melayu standard dan bahasa Melayu Brunei, dalam konteks dwibahasa yang semakin didominasi oleh bahasa Inggeris. Menggunakan model triangulasi yang diubah suai, termasuk Model Sikap Bahasa, Skala Penilaian Gangguan Antara Generasi Luasan (EGIDS), dan Rangka Kerja Keberdayaan dan Kepupusan Bahasa UNESCO, kajian ini menganalisis sikap masyarakat terhadap bahasa Melayu serta daya tahannya dalam pelbagai domain sosial. Dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua varian bahasa Melayu masih memiliki vitaliti yang kuat, didukung oleh sikap positif masyarakat, dasar bahasa yang stabil, dan kepentingannya sebagai simbol identiti nasional. Walaupun bahasa Inggeris semakin penting dalam sektor pendidikan dan pekerjaan, ia tidak menggantikan peranan bahasa Melayu yang kekal digunakan dalam komunikasi harian dan rasmi. Kajian ini menyangkal tanggapan bahawa bahasa Melayu di Brunei berada dalam ancaman, sebaliknya menegaskan kestabilannya dalam ekosistem linguistik negara.

Kajian oleh How Soo Ying, Chan Swee Heng, dan Ain Nadzimah Abdullah (2015) meneliti vitaliti bahasa di Malaysia dan hubungannya dengan identiti etnik dan nasional dalam konteks masyarakat pelbagai bahasa. Menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada pelajar sekolah rendah vernakular Cina dan Tamil, kajian ini menilai empat indikator utama: penggunaan bahasa, dominasi dan keutamaan bahasa, sikap dan motivasi terhadap bahasa, serta kecekapan bahasa. Dapatan menunjukkan bahawa bahasa etnik seperti Mandarin dan Tamil mempunyai tahap vitaliti yang tinggi, manakala bahasa Melayu dan bahasa Inggeris didapati kurang dominan dalam kehidupan harian pelajar. Kajian ini juga mengesahkan bahawa identiti etnik lebih menonjol berbanding identiti nasional, dengan pelajar lebih cenderung menggunakan bahasa ibunda mereka dalam pelbagai domain sosial. Dalam konteks pendidikan, kajian ini membangkitkan persoalan mengenai keberkesanan dasar bahasa dalam membentuk perpaduan nasional dan mencadangkan perlunya pendekatan yang lebih menyeluruh untuk mengukuhkan peranan bahasa Melayu sebagai lambang identiti kebangsaan.

KERANGKA KAJIAN

Kerangka kajian yang digunakan dalam kajian adalah terdiri daripada Domain Fishman & Greenfield (1970) dan Teori Vitaliti Bahasa Unesco (2011).

DOMAIN FISHMAN & GREENFIELD (1970)

Dalam mengkaji cara masyarakat Puerto Rico menggunakan bahasa Sepanyol dan bahasa Inggeris, Fishman & Greenfield (1970) dalam Fishman (1971) mengaplikasikan konsep domain. Mereka menggariskan lima domain yang berbeza, termasuk keluarga, persahabatan, agama, pendidikan, dan pekerjaan. Faktor-faktor seperti peserta, lokasi, dan topik menentukan pembentukan setiap

domain. Struktur model domain ini seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Model Domain Pemilihan Bahasa Fishman & Greenfield (1970)

Domain	Peserta	Tempat	Topik
Keluarga	Ibu-Bapa	Rumah	Bagaimana menjadi anak yang baik
Persahabatan	Teman	Di luar sekolah	Bagaimana cara memainkan suatu permainan
Agama	Petugas agama	Gereja	Bagaimana menjadi penganut agama yang baik
Pendidikan	Guru	Sekolah	Bagaimana menyelesaikan masalah algebra.
Pekerjaan	Pekerja	Tempat Kerja	Bagaimana melakukan pekerjaan dengan lebih berkesan

(Sumber: Fishman, J. A., & Greenfield, L. (Eds.). (1970)

Winford (2003) dalam menafsirkan konsep ini menyatakan bahawa:

"Analisis domain memberikan pemahaman yang mendalam tentang pola umum pemilihan bahasa dalam masyarakat yang bertutur dwibahasa. Konsep ini menghubungkan cara penggunaan bahasa diperlihatkan oleh individu dalam interaksi verbal sehari-hari".

Dalam kajian ini, data yang difokuskan ialah dialog-dialog informan penutur natif dialek Kelantan dengan yang digunakan dalam berbagai domain sama ada sesama penutur natif atau dengan penutur dari luar negeri Kelantan. Melalui kajian terhadap hubungan pilihan kod bahasa dalam berinteraksi dengan domain-domain, selain dapat mengenal pasti tahap pengaruh bahasa asing atau pengekalan bahasa ke atas bahasa ibunda dalam struktur bahasa, juga dapat menentukan situasi (domain) manakah yang lebih mendorong kepada peralihan bahasa, ataupun sebaliknya.

TEORI VITALITI BAHASA UNESCO 2011

Teori vitaliti bahasa yang diperkenalkan oleh UNESCO pada tahun 2011 bertujuan untuk mengenal pasti dan menilai tahap keterancaman bahasa-bahasa di seluruh dunia. Dalam konteks globalisasi yang semakin pesat, banyak bahasa minoriti berada dalam bahaya pupus, kerana mereka semakin digantikan oleh bahasa yang lebih dominan. Teori ini menyediakan kerangka kerja yang sistematik untuk menilai keberlangsungan sesuatu bahasa berdasarkan kriteria tertentu, dengan tujuan untuk melindungi dan memulihara bahasa-bahasa yang terancam. Dengan menggunakan pendekatan ini, UNESCO berusaha untuk memastikan bahawa kepelbagaian linguistik dunia dapat dipertahankan dan dipelihara untuk generasi akan datang. Jadual 2 memaparkan perincian Teori Vitaliti UNESCO 2011.

JADUAL 2. Teori Vitaliti UNESCO (2011)

Tahap Keterancaman	Bahasa Pengantaraan Antara Generasi
Selamat	Sesebuah bahasa itu dituturkan oleh semua generasi; Tiada gangguan dalam menurunkan bahasa antara generasi ke generasi.
Stabil namun terancam	Kebanyakan kanak-kanak boleh bercakap sesebuah bahasa itu tetapi ia mungkin terhad kepada domain tertentu (misalnya domain rumah).

Pasti terancam	Kanak-kanak sudah tidak lagi menggunakan bahasa ibu di rumah.
Amat terancam	Sesebuah bahasa itu hanya dituturkan oleh datuk dan nenek moyang manakala generasi ibu bapa mungkin hanya memahaminya, mereka tidak bercakap dengan anak-anak atau dalam kalangan mereka sendiri
Terancam secara kritikal	Generasi penutur terdiri daripada datuk dan nenek dan generasi yang lebih tua, dan mereka tidak menguasai bahasa ibu mereka dan menggunakan sebahagiannya sahaja
Pupus	Tiada lagi penutur yang tinggal.

(Sumber: UNESCO. (2011). Language vitality and endangerment. *UNESCO Ad Hoc Expert Group on Endangered Languages*. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000183699>

Walaupun dialek Kelantan masih diketahui sebagai bahasa yang dominan dalam kalangan penduduk setempat, kajian ini bertujuan untuk meneliti situasi semasa, khususnya di Tumpat, dalam menghadapi cabaran globalisasi yang semakin mendesak. Dengan mengambil kira pengaruh globalisasi yang boleh mengakibatkan pengekalan atau peralihan dalam penggunaan dialek, kajian ini akan menyelidik sama ada dialek Kelantan di Tumpat masih berdaya tahan atau mula menunjukkan tanda-tanda keterancaman. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kedudukan sebenar dialek Kelantan dalam era globalisasi kini.

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, teknik Rakaman Tidak Sedar digunakan sebagai kaedah utama pengumpulan data bagi memastikan keaslian penggunaan dialek Kelantan dalam domain pekerjaan, jual beli, dan keagamaan. Rakaman dilakukan di lapangan tanpa pengetahuan peserta secara langsung bagi mengurangkan kesan kesedaran pemerhatian yang boleh mempengaruhi corak pertuturan mereka. Prosedur ini dilaksanakan dengan mematuhi etika penyelidikan, termasuk mendapatkan kebenaran retrospektif selepas rakaman dilakukan. Teknik ini mengurangkan potensi bias yang mungkin timbul apabila peserta sedar bahawa mereka sedang diperhatikan. Menurut Erving Goffman (1959), manusia sering kali menyesuaikan tingkah laku mereka berdasarkan penonton atau konteks sosial. Oleh itu, rakaman tidak sedar membolehkan penyelidik menghindari fenomena "performative behavior", iaitu peserta mungkin mengubah cara mereka bertutur atau bertindak apabila mereka tahu mereka sedang direkodkan. Goffman menyatakan bahawa tingkah laku dalam situasi semula jadi lebih cenderung mencerminkan realiti sosial yang tidak dipengaruhi oleh kesedaran tentang pemerhatian. Selain itu, menurut Herb Clark dan Eve Clark (1997), rakaman tidak sedar memberikan pandangan mendalam tentang proses interaksi linguistik dalam konteks semula jadi. Teknik ini membantu dalam mengkaji penggunaan bahasa yang lebih spontan dan tidak di manipulasi, yang boleh memperkaya pemahaman penyelidik tentang struktur bahasa, penggunaan bahasa dalam konteks sosial, dan dinamika komunikasi. Mereka menegaskan bahawa data yang diperoleh melalui rakaman tidak sedar cenderung lebih representatif dan boleh dipercayai dalam menganalisis pola linguistik yang mungkin terjejas oleh pengaruh luar dalam situasi yang lebih terancang atau berstruktur. Dengan memanfaatkan rakaman tidak sedar, penyelidik dapat memperoleh gambaran yang lebih jitu dan semula jadi mengenai cara bahasa digunakan dalam situasi sehari-hari, memastikan data yang dikumpulkan lebih tulen dan mencerminkan penggunaan bahasa yang sebenar dalam situasi sebenar.

Tempoh rakaman ditentukan berdasarkan interaksi semula jadi dalam setiap domain, dengan peralatan rakaman yang diletakkan secara strategik bagi menangkap perbualan tanpa gangguan. Data rakam audio yang diperoleh kemudiannya akan ditranskripsikan dengan menggunakan ejaan (abjad) rumi supaya dapat difahami oleh pembaca umum. Jadual 3 memaparkan pilihan bahasa.

JADUAL 3. Pemilihan Bahasa dalam Tiga Domain di Lokasi Terpilih di Jajahan Tumpat, Kelantan

Domain	Peserta	Tempat	Topik
Jual Beli	Penjual-Pembeli	Floating Market, Pulau Sri Tanjung	Membeli makanan dan minuman
Pekerjaan	Pekerja di Pasar	Pasar Sumayyah	Pekerja menjual barang di pasar
Agama	Penceramah	Masjid Kampung Laut	Ceramah Agama semasa solat Maghrib

(Sumber diubahsuai daripada Fishman, J. A., & Greenfield, L. (Eds.). (1970)

Dalam kajian ini, penulis pertama telah terlibat secara langsung dalam aktiviti masyarakat di tiga domain yang berbeza, iaitu jual beli, pekerjaan, dan agama, di lokasi-lokasi terpilih di Jajahan Tumpat, Kelantan. Pengumpulan data melibatkan pemerhatian interaksi secara aktif dan rakaman percakapan dalam konteks semula jadi.

Pemilihan sampel dalam kajian ini dilakukan secara berstruktur dengan menetapkan kriteria tertentu bagi memastikan representasi yang seimbang dan menyeluruh, seperti dalam domain agama yang melibatkan penceramah sebagai peserta utama bagi memperoleh data mengenai penggunaan bahasa dalam penyampaian ilmu dan interaksi dengan jemaah. Pendekatan ini selari dengan prinsip Creswell (2014) yang menekankan pemilihan sampel yang teliti bagi meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahihan data. Data dikumpulkan menggunakan kaedah rakaman tak sedar, iaitu alat rakaman diletakkan secara tersembunyi bagi mengelakkan kesan pemerhatian dan memastikan pertuturan berlaku secara spontan. Dalam konteks domain keagamaan umpamanya, Peranti rakaman ditempatkan di lokasi strategik dalam persekitaran semula jadi seperti ruang ceramah di masjid, tanpa campur tangan penyelidik. Rakaman yang diperoleh kemudian ditranskripsi secara verbatim, dengan setiap butiran pertuturan dianalisis menggunakan teknik analisis wacana untuk mengenal pasti pola penggunaan bahasa, peralihan kod, serta variasi dialek dalam penyampaian ceramah. Pendekatan ini memastikan data yang diperoleh bersifat autentik dan mencerminkan penggunaan bahasa sebenar dalam konteks agama tanpa dipengaruhi oleh kesedaran peserta terhadap kajian yang dijalankan.

DAPATAN KAJIAN

Dalam penyajian data, aksara yang ditebalkan (Bold) menandakan dialek Melayu Kelantan, sementara kata atau frasa yang digaris bawah menunjukkan penggunaan bahasa atau dialek lain, dan yang tidak ditanda khas adalah bahasa Melayu standard. Oleh kerana keterbatasan ruangan dalam jurnal, pengkaji hanya membincangkan satu sesi dialog dari setiap domain yang dikaji. Secara keseluruhannya, terdapat 3 domain penggunaan bahasa yang dikaji, seperti berikut.

DOMAIN AKTIVITI JUAL BELI DI *FLOATING MARKET*, PULAU SRI TANJUNG

Floating Market, Pulau Sri Tanjung di Jajahan Tumpat, Kelantan, merupakan pasar terapung yang beroperasi setiap Jumaat dan Sabtu. Pasar ini menawarkan pengalaman membeli-belah yang unik, iaitu peniaga menjual barang-barang mereka dari perahu yang terapung di atas air. Pengunjung boleh menikmati pelbagai produk tempatan seperti makanan tradisional, hasil pertanian, dan kraf tangan. Dengan suasana yang meriah dan interaksi yang aktif antara peniaga dan pembeli, *Floating Market* mencerminkan kekayaan budaya serta tradisi hidup masyarakat Kelantan. Dari segi latar belakang, komunikasi ini berlangsung dalam konteks urusan jual beli di *Floating Market*, Pulau Sri Tanjung. Dalam interaksi ini, terdapat perbualan antara penutur natif Kelantan serta antara penutur natif Kelantan dengan pembeli dari luar negeri, yang memperlihatkan keunikan linguistik dan adaptasi bahasa yang tersendiri.





RAJAH 2. Aktiviti jual beli di Floating Market Pulau Sri Tanjung.
(Sumber: Foto diambil oleh penulis pertama ketika berada di lapangan)

Situasi 1: Perbualan Jual Beli (Antara Sesama Penutur Natif Kelantan)

Peniaga wanita 1: Mi kuning, kutiaw, **bihung, bihung?**

Peniaga wanita 1: **Sayo?**

Pembeli: (gelengkan kepala)

Peniaga wanita 1: **Tokse sayo.**

(dalam masa sama)

Peniaga lelaki: **Teho**, tengok nasik lu..

Peniaga wanita 2: **Pakek make la.. Besak sikik, takek banyok.**

Situasi 2: Perbualan Jual Beli (Antara Sesama Penutur Natif Kelantan)

Pembeli: **Puluk aye ade?**

Peniaga: **Puluk aye sinin**

Pembeli: **Gapo tu?**

Peniaga: **Nampa.**

Situasi 3: Perbualan Jual Beli (Antara Sesama Penutur Natif Kelantan)

Pembeli: **Gape-gape tu?**

Peniaga lelaki: **Ike ado, sotong ado, kulik aye, gena?**

Peniaga lelaki: **Buh banyok.**

Pembeli: Alhamdulillah...

Situasi 4: Peniaga Sedang Berniaga

Peniaga wanita 1: **Mi celuk ade, krabu megi ade, nasik cili ike baka ade, ike celuk tepung ade...**

Interaksi dalam aktiviti jual beli di *Floating Market*, Pulau Sri Tanjung, memperlihatkan penggunaan dialek Kelantan yang sarat dengan nuansa budaya tempatan. Dalam situasi 1, 2, dan 3, perbualan antara sesama penutur natif Kelantan menonjolkan penggunaan istilah tempatan seperti "bihung," "puluk aye," dan "kulik aye," yang mungkin kurang difahami oleh mereka yang bukan penutur natif. Penggunaan frasa seperti "tokse sayo" dan "buh banyok" mencerminkan keakraban antara peniaga dan pembeli serta kepentingan komunikasi yang pantas dan efisien dalam konteks jual beli. Selain itu, pertanyaan ringkas seperti "gapo tu?" dan respons yang padat menunjukkan betapa eratnya pemahaman bersama yang diperlukan untuk melancarkan proses jual beli. Situasi 4 pula menunjukkan urusan penjualan makanan di *Floating Market*, Pulau Sri Tanjung, mengekalkan penggunaan dialek Kelantan secara konsisten. Peniaga wanita menggunakan istilah seperti "Mi celuk" dan "ike celuk tepung" tanpa menyesuaikan bahasa mereka, meskipun terdapat kemungkinan pembeli dari luar negeri mungkin kurang memahami dialek tersebut. Ini mencerminkan keteguhan dan pengekalan dialek Kelantan dalam aktiviti jual beli di sini, iaitu peniaga cenderung mengekalkan cara komunikasi yang mencerminkan identiti budaya tempatan. Keadaan ini menunjukkan bahawa di sebalik kehadiran pembeli dari luar, dialek Kelantan tetap dipertahankan sebagai elemen penting dalam interaksi sosial dan ekonomi di pasar ini.

Situasi 5: Perbualan Jual Beli (Pelanggan Penutur Natif Kelantan Dan Orang Luar)

Pembeli: ABC **ade**?

Peniaga wanita 1: ABC **ade**.

Pembeli: Bagi satu.

#peniaga wanita dan peniaga lelaki berbual dalam dialek Kelantan.

Peniaga wanita 2: Kalau **amik daging so, bukeh lak so, kito bwi duo puloh tigo. Kalau amik mace bulak-bulak sajo kito bwi limo belah..**

Situasi 6: Perbualan Jual Beli (Pelanggan Penutur Natif Kelantan Dan Orang Luar)

Peniaga wanita 1: **Ae nyo dale gleh so ey?**

Pembeli lelaki: **Tigo Jah tigo.. Ho.. Denge ae batu sikik skali.**

Pembeli wanita (orang luar): ais krim baba **ade ey..?**

Peniaga wanita 2: **Sapo nok aih krin tadi?**

Pembeli lelaki: **So.. ae nyo buoh so, ae nyo geleh so.**

Sementara itu, dalam situasi ini, meskipun pembeli meminta "ABC" dengan bahasa Melayu standard, peniaga wanita dan lelaki terus berbual dalam dialek Kelantan, menunjukkan pengekalan bahasa tempatan dalam interaksi mereka. Peniaga wanita 2 meneruskan komunikasi dalam dialek Kelantan dengan menggunakan frasa seperti "kito bwi duo puloh tigo" dan "kito bwi limo belah," yang menunjukkan pengekalan istilah tempatan untuk menjelaskan harga dan tawaran produk. Hal Ini menggambarkan komitmen peniaga untuk mengekalkan identiti budaya mereka melalui bahasa, walaupun berhadapan dengan pelanggan yang mungkin tidak fasih dalam dialek tersebut. Contohnya, pembeli wanita dari luar negeri bertanya, "ais krim baba **ade ey..?**" yang menunjukkan ketidakpastian atau kekurangan pemahaman terhadap istilah tempatan. Walau bagaimanapun, peniaga wanita 2 terus bertanya dengan frasa seperti "Sapo nok aih krin tadi?" yang juga dalam dialek Kelantan. Hal Ini menunjukkan bahawa peniaga lebih memilih untuk terus menggunakan dialek tempatan dalam komunikasi mereka, tanpa menyesuaikan bahasa untuk pembeli yang bukan penutur natif. Keadaan ini mencerminkan pengekalan dialek Kelantan sebagai elemen penting dalam interaksi jual beli, menunjukkan bahawa identiti bahasa tempatan tetap dikekalkan meskipun dalam situasi yang melibatkan pelbagai latar belakang pelanggan.

DOMAIN PEKERJAAN DI PASAR SUMAYYAH, TUMPAT

Pasar Sumayyah di Tumpat, Kelantan, merupakan salah satu pusat perniagaan penting di kawasan tersebut. Pasar ini terkenal dengan pelbagai barangan dan produk tempatan yang ditawarkan, seperti makanan, sayur-sayuran, dan barang-barang keperluan harian. Terletak di tengah-tengah komuniti, pasar ini berfungsi sebagai tempat utama bagi penduduk tempatan untuk membeli barangan harian mereka serta sebagai pusat pertemuan sosial. Setiap hari, pasar ini sibuk dengan aktiviti jual beli, dan pelbagai jenis perniagaan beroperasi di sini, menjadikannya lokasi yang penting dalam kehidupan sehari-hari penduduk Tumpat.



RAJAH 3. Domain Pekerjaan di Pasar Sumayyah.
(Sumber: Foto diambil oleh penulis pertama ketika berada di lapangan)

Situasi Domain Pekerjaan 1

Penjual wanita 1: **Caghi gape?**

Pembeli lelaki: Aaa, beras apa ni.. cap manggo..

Penjual wanita 1: Cap **mangge**...

Pembeli lelaki: **So brape?**

Penjual wanita 1: Aaa.. **duo puloh**

Pembeli lelaki: Tak **leh kughe ko?**

Penjual wanita 1: **Kak. Abeh kughe brapo nin?**

Penjual wanita 2: **Gape?**

Penjual wanita 1: **Nin..**

(sambil berjalan menuju ke belakang)

Penjual wanita 1: **Tak leh la dek.. emm abe nok brapo? Limo..? spuluh..? Duo? Kalu duo, kito potong la seghia..**

Pembeli lelaki: Aaa.. **seghia**.

Penjual wanita 1: **Cane? Boleh?**

Pembeli lelaki: **Haa.. boleh. Ni so brapo?**

Penjual wanita 1: **Hok tu tujuh ya.. hok tu so?**

(dalam masa yang sama)

Penjual wanita 1: **Kak. Hok kace ni dok mano?**

Penjual wanita 2: **Dok sape lagi**

Pembeli lelaki: **Ha, so.**

Pembeli lelaki: **Ni aye kampong ke gapo?**

Penjual wanita 3: Aaa.. **aye, aye daging.**
Pembeli lelaki: aaa.. so.. potong kecil-kecil deh.
Penjual wanita 4: **Gapo dok sapei-sapei baghe masok tu**
Penjual wanita 3: **Dok di banda lagi tepon takdi.**

Pembeli lelaki: **ase jawo ado?**
(dalam masa yang sama)
Penjual lelaki 1 : **Benta deh.**
Penjual lelaki 1: **Bawok kua habeh**
Penjual lelaki 2: **Letok mano nih**
Penjual lelaki 1: **Aseng jawo... ho.. nok beso ko kecil?**
Pembeli lelaki: **Kecil, la..so..**

Penjual lelaki 1: **Letok g kot begah nu. Susun molek.**
Penjual lelaki 2: **Molek doh ni..**

Pembeli lelaki: Sawi **ade?**
Penjual wanita 3: Sawi **banyak mano?**
Pembeli lelaki: haa.. boleh la.
Penjual wanita 3: **Tigo ya..**
Pembeli: Laici lemon so.. eh, **sanquik-sanquik.**
(#Peniage berbual sesama mereka)
Penjual wanita 4: **Be ode gape?**
Pembeli lelaki: **sanquik-sanquik so.**

Situasi Domain Pekerjaan 2

Penjual wanita 1: **Kakak nak mane? Nih? Boleh? Nak ni ke, nak ni? Nak mane?**
: Nak katun ni ke, nak katun ni? Ha, nak mane? Nak ni? Tengok...
(perbualan antara pekerja)
Penjual wanita 1: **Ani, amik hok atah kotak hok baru kiro tadi nin.**
Penjual wanita 2: **Hok baghu sapei tadi ni ko?**
Penjual wanita 1: **Holo..**

Penjual wanita 1: Ok ka kakak? **Kakak suko?**
Pembeli wanita: Kakak ok tak? Kakak nak dak? (Bertanya pada anak)
Penjual wanita: Ok boleh?
Pembeli wanita: Ha.. **yang tuh..** beli...
Penjual wanita: Ha.. ok.. nak pakai?
Pembeli wanita: Kakak ok? **Bapa ya?** Harga sama ka?
Penjual wanita: lima.. **haga lima puluh ya.**

Berdasarkan kedua-dua situasi dalam domain pekerjaan di Pasar Sumayyah, Tumpat, perbualan antara pekerja menunjukkan bahawa dialek Kelantan digunakan secara meluas dan berfungsi sebagai medium komunikasi utama dalam lingkungan pekerjaan mereka. Pekerja di pasar berinteraksi dengan pelanggan menggunakan bahasa Kelantan yang autentik, mencerminkan keakraban dan kemahiran mereka dalam bahasa tersebut. Contohnya, penggunaan frasa seperti "sawi banyak mano?" untuk menanyakan jumlah sayur menunjukkan bukan hanya pemahaman yang mendalam terhadap dialek tetapi juga kepentingan penggunaan bahasa tempatan dalam konteks pekerjaan. Bahasa ini berfungsi bukan hanya sebagai alat komunikasi tetapi juga sebagai elemen identiti dan budaya yang membentuk pengalaman kerja harian mereka. Vitaliti dialek Kelantan dalam domain pekerjaan diperlihatkan melalui keupayaan pekerja untuk berkomunikasi dengan pelanggan dalam bahasa tempatan tanpa beralih kepada bahasa lain. Penggunaan dialek ini dalam urusan harian mereka menunjukkan bahawa ia masih sangat relevan dan hidup dalam

konteks pekerjaan. Ini juga menunjukkan bahawa pekerja pasar, walaupun dalam lingkungan yang mungkin berhadapan dengan pelbagai latar belakang pelanggan, terus mempertahankan penggunaan dialek Kelantan sebagai bahasa utama dalam interaksi mereka. Hal ini menggambarkan bahawa dialek ini tidak hanya bertahan tetapi juga berfungsi sebagai alat penting dalam persekitaran kerja, memastikan kesinambungan dan vitaliti bahasa tempatan dalam sektor pekerjaan.

DOMAIN KEAGAMAAN DI MASJID KAMPUNG LAUT, TUMPAT

SEJARAH MASJID KAMPUNG LAUT

Masjid Kampung Laut ialah sebuah masjid bersejarah terletak di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. Sebelum ini ia dipindahkan ke Nilam Puri, Kota Bharu tetapi kini ditempatkan semula di Kampung Laut, Tumpat Kelantan. Masjid Kampung Laut, yang terletak di Tumpat, Kelantan, mempunyai sejarah yang mendalam dan penuh makna bagi masyarakat tempatan. Berdasarkan maklumat daripada papan tanda di hadapan masjid, hikayat turun-temurun menceritakan sekumpulan pendakwah Islam yang belayar telah terdampar di perairan Kuala Kelantan selepas kapal mereka bocor dilanda badai. Kononnya, mereka telah bernazar bahawa jika mereka terselamat, mereka akan membina sebuah masjid di tempat mereka berlabuh. Dengan kuasa Allah, kumpulan ikan alu-alu dikatakan telah menutupi kebocoran kapal, menghalang air laut daripada memenuhi kapal tersebut. Akhirnya, pelayar itu selamat berlabuh di tebing sungai Kampung Laut, dan mereka memenuhi nazar mereka dengan membina masjid di lokasi tersebut, yang kini merupakan pusat keagamaan penting di kawasan itu.



RAJAH 4. Domain Keagamaan di Masjid Kampung Laut, Tumpat.
(Sumber: Foto diambil oleh penulis pertama ketika berada di lapangan)

Masjid Kampung Laut, yang terletak di Tumpat, Kelantan, mempunyai sejarah pembangunan yang kaya dengan perubahan struktur dan reka bentuk. Pada awalnya, masjid ini dibina dalam bentuk pondok wakaf pada abad ke-18, dan pada tahun 1763-1798, ia dibina setinggi 8 kaki dengan bumbung daripada atap rumbia, cukup untuk menambat gajah di bawahnya. Pada akhir abad ke-19, sekitar tahun 1886-1889, atap rumbia digantikan dengan atap genting Singgora yang diperbuat daripada tanah liat dari Pattani. Penambahan struktur menara masjid dilakukan sekitar tahun 1890-1900 semasa pemerintahan Sultan Mansor, menunjukkan perkembangan dan

peningkatan dalam seni bina masjid. Namun, pada tahun 1966-1967, banjir besar melanda Kelantan dan menyebabkan penghakisan tapak masjid serta kerosakan sebahagian struktur. Dalam usaha memulihkan masjid, komponen asal seperti beduk, mimbar, buah buton, dan kolah dikembalikan ke masjid. Pembinaan semula dimulakan dengan mendirikan tiang seri berempat, atau Soko Guru, yang menyokong keseluruhan struktur utama masjid. Tiang Seri ini, yang berasal dari seni bina Jawa, termasuk salah satu daripada tiang yang dipercayai merupakan tiang asal semasa masjid mula dibangunkan. Tiang yang asal ini ditandakan sebagai tiang 5E di tapak pembinaan, menandakan kesinambungan dan warisan sejarah Masjid Kampung Laut dalam proses pemulihan dan pemeliharaan struktur bersejarahnya.



RAJAH 5. Papan tanda di Hadapan Masjid Kampung Laut, Tumpat.
(Sumber: Foto diambil oleh penulis pertama ketika berada di lapangan)

SITUASI DOMAIN KEAGAMAAN



RAJAH 6. Ceramah Agama di Masjid Kampung Laut, Tumpat.
(Sumber: Foto diambil oleh penulis pertama ketika berada di lapangan)

Penceramah lelaki menyampaikan ceramah agama selepas solat Maghrib

Kalo **kito lani** ore muda tak kawen lagi gitu gini

Keno cari juruh benarla, kalao tak malu kito,

Begitulah jugak ore tuo kito selaku ayoh dan mok nak cari nantu baik laki baik **pue** pun,

Carila hok juruh hok buleh hasilnya **buleh membawa kepada apo** nama ni **keturunei** yang **molek-molek** dan sebagainya.

Tapi jangei sampei milih sangat **sampey anak tak nikoh plop**. Jup hok ni x kenei, hok tu x kenei. Hujungny cari-cari pun tok **jupo**.

Zamei lani nak cari yang juruh benar tu dah **payoh dah deh**. Kena jaga **batasei gitu gini**. Cukuplah dia menjaga aurat dia, Cukuplah dia hormat **ore tuo** dia. Cukuplah dia menjaga **kehormatei** dia sebagai wanita.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat jemaah dari luar Kelantan yang hadir di Masjid Kampung Laut, penceramah tetap menggunakan dialek Kelantan dalam ceramahnya. Penggunaan dialek Kelantan dalam konteks keagamaan ini menunjukkan satu aspek penting dalam vitaliti dialek Kelantan, khususnya dalam domain keagamaan. Dialek Kelantan bukan sahaja menjadi medium komunikasi yang berkesan dalam penyampaian mesej keagamaan tetapi juga berfungsi sebagai satu bentuk pengekalan identiti budaya dan linguistik. Penceramah menggunakan dialek ini untuk mengekalkan hubungan yang lebih dekat dan autentik dengan pendengar tempatan, menunjukkan bahawa dialek ini masih kuat dan relevan dalam interaksi sosial, walaupun dalam konteks yang melibatkan pelbagai latar belakang penutur. Di samping itu, penggunaan dialek Kelantan dalam ceramah agama mencerminkan usaha untuk mengekalkan dan memelihara warisan linguistik tempatan dalam situasi yang lebih meluas. Dengan mengekalkan dialek ini dalam komunikasi rasmi dan keagamaan, masyarakat setempat menunjukkan komitmen untuk mempertahankan bahasa dan budaya mereka. Keberadaan dialek Kelantan dalam ceramah agama di Masjid Kampung Laut menegaskan kekuatan dan daya tahan dialek ini dalam domain keagamaan, memberikan keyakinan bahawa bahasa ini akan terus kekal relevan dan digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Kelantan.

Berdasarkan Jadual 4 yang merujuk kepada tahap vitaliti bahasa menurut UNESCO (2011), dialek Kelantan di Tumpat berada dalam keadaan "selamat" dalam tiga domain yang dikaji—jual beli, pekerjaan, dan agama. Hal ini kerana dialek Kelantan masih digunakan secara aktif oleh semua generasi dalam konteks sosial ini tanpa sebarang gangguan dalam penurunannya antara generasi. Dalam domain jual beli, penjual dan pembeli menggunakan dialek Kelantan dalam perbualan mereka, menunjukkan penggunaan bahasa ini dalam interaksi harian yang melibatkan transaksi ekonomi. Dalam domain pekerjaan, pekerja di Pasar Sumayyah dan kawasan sekitarnya terus menggunakan dialek ini dalam komunikasi rasmi dan santai, menunjukkan bahawa bahasa ini kekal relevan dalam konteks profesional. Begitu juga dalam domain agama, penceramah di Masjid Kampung Laut mengekalkan penggunaan dialek Kelantan semasa ceramah, memastikan bahawa bahasa ini terus hidup dan berkembang dalam konteks keagamaan. Oleh itu, penggunaan dialek Kelantan yang meluas dan konsisten di ketiga-tiga domain ini menandakan bahawa dialek ini mempunyai tahap vitaliti yang kukuh dan stabil, dengan tiada ancaman signifikan terhadap penghubungannya antara generasi.

JADUAL 4. Tahap Vitaliti UNESCO (2011)

Tahap Keterancaman	Bahasa Pengantaraan Antara Generasi	Dialek Kelantan di Tumpat
Selamat	Sesebuah bahasa itu dituturkan oleh semua generasi; Tiada gangguan dalam menurunkan bahasa antara generasi ke generasi	√
Stabil namun terancam	Kebanyakan kanak-kanak boleh bercakap sesebuah bahasa itu tetapi ia mungkin terhad kepada domain tertentu (misalnya domain rumah)	X
Pasti terancam	Kanak-kanak sudah tidak lagi menggunakan bahasa ibu di rumah.	X
Amat terancam	Sesebuah bahasa itu hanya dituturkan oleh datuk dan nenek moyang manakala generasi ibu bapa mungkin hanya memahaminya, mereka tidak bercakap kepada dengan anak-anak atau dalam kalangan mereka sendiri.	X
Terancam secara kritikal	Generasi penutur terdiri daripada datuk dan nenek dan generasi yang lebih tua, dan mereka tidak menguasai bahasa ibu mereka dan menggunakan sebahagiannya sahaja.	X
Pupus	Tiada lagi penutur yang tinggal.	X

(Sumber: Diubahsuai daripada UNESCO. (2011). Language vitality and endangerment. *UNESCO Ad Hoc Expert Group on Endangered Languages*. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000183699>

ANALISIS DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa dialek Kelantan di Tumpat, Kelantan, masih mengekalkan vitaliti yang kukuh dalam pelbagai domain penggunaan bahasa, iaitu jual beli, pekerjaan, dan agama. Hasil kajian ini menekankan kepentingan dialek Kelantan sebagai komponen utama dalam interaksi sosial harian masyarakat tempatan.

Dalam domain jual beli, walaupun terdapat pengunjung dari luar negeri, peniaga dan pembeli terus menggunakan dialek Kelantan dalam komunikasi mereka, menunjukkan keteguhan dialek ini dalam konteks perniagaan. Ini selaras dengan pandangan yang dikemukakan oleh Fishman (1991) mengenai peranan bahasa dalam mengekalkan identiti budaya dalam domain ekonomi. Fishman menegaskan bahawa bahasa bukan hanya sebagai alat komunikasi tetapi juga sebagai alat pemeliharaan identiti budaya yang penting dalam interaksi sosial. Faktor sosiobudaya yang menyokong kesinambungan penggunaan dialek Kelantan dalam domain ini termasuk nilai kesetiaan bahasa dalam kalangan masyarakat setempat serta keperluan untuk mengekalkan hubungan rapat antara peniaga dan pelanggan dalam pasaran tempatan. Sifat mesra dan keakraban yang diwujudkan oleh penggunaan dialek ini juga menjadi elemen penting dalam memastikan keberlangsungan penggunaannya dalam urusan jual beli harian.

Dalam domain pekerjaan di Pasar Sumayyah, penggunaan dialek Kelantan yang meluas oleh pekerja menggambarkan bahasa tempatan terus menjadi medium utama dalam persekitaran profesional. Dapatan yang diperoleh berdasarkan kajian kualitatif ini turut sejajar dengan kajian

sosiolinguistik kuantitatif Labov (1972) mengenai pentingnya bahasa dalam pembentukan identiti sosial dan budaya di tempat kerja. Labov berpendapat bahawa bahasa tempatan bukan sahaja menandakan keakraban tetapi juga berfungsi untuk mengukuhkan kedudukan sosial dan budaya individu dalam konteks pekerjaan. Selain itu, dalam konteks masyarakat di Tumpat, penggunaan dialek Kelantan dalam bidang pekerjaan turut didorong oleh faktor sosiobudaya seperti jaringan sosial yang kuat dalam kalangan pekerja tempatan serta kecenderungan untuk mengekalkan identiti kelompok dalam suasana kerja yang dominan dengan budaya setempat. Oleh kerana majoriti tenaga kerja di Tumpat terdiri daripada penduduk tempatan yang telah terbiasa dengan dialek ini sejak kecil, penggunaannya terus dikekalkan tanpa mengalami sebarang peralihan signifikan kepada bahasa lain.

Dalam domain agama, penggunaan dialek Kelantan dalam ceramah di Masjid Kampung Laut menunjukkan usaha komuniti untuk mengekalkan warisan linguistik mereka. Penceramah yang menggunakan dialek Kelantan dalam ceramah agama bukan sahaja berhubung lebih dekat dengan pendengar tempatan tetapi juga memastikan bahawa bahasa dan budaya tempatan terus berkembang dan dipelihara dalam konteks keagamaan. Dalam perspektif sosiobudaya, penggunaan dialek dalam konteks agama berkait rapat dengan faktor keintiman komunikasi dan kefahaman yang lebih baik dalam kalangan jemaah tempatan. Hal ini kerana masyarakat Kelantan amat menitikberatkan aspek kefahaman dalam penyampaian ilmu agama, dan penggunaan dialek tempatan membantu meningkatkan kesan penyampaian serta penerimaan isi ceramah. Tuntasnya, dialek Kelantan di Tumpat menunjukkan tahap vitaliti yang kukuh dan stabil, dengan tiada ancaman signifikan terhadap kesinambungannya antara generasi. Berdasarkan kerangka Teori Vitaliti Bahasa UNESCO (2011), dapatan menunjukkan bahawa dialek Kelantan berada dalam keadaan “selamat” kerana masih digunakan secara aktif oleh semua generasi dalam konteks sosial ini tanpa sebarang tanda penurunan antara generasi. Namun, walaupun kajian ini mendapati tahap vitaliti dialek Kelantan masih tinggi, perlu juga diambil kira beberapa faktor yang berpotensi untuk mempengaruhi tahap keterancaman pada masa hadapan. Antara faktor ini termasuklah impak globalisasi yang membawa masuk bahasa luar, peranan pendidikan formal yang lebih menekankan penggunaan bahasa standard, serta perubahan dalam struktur sosial (misalnya disebabkan oleh perkahwinan campur) yang mungkin mengurangkan interaksi dalam dialek tempatan. Tambahan lagi, kadar penghijrahan yang tinggi dalam kalangan pemuda-pemudi untuk bekerja di negeri-negeri lain turut boleh mempengaruhi tahap vitaliti dialek ini. Justeru, pemantauan berterusan perlu dilakukan bagi memastikan dialek Kelantan terus berada dalam kategori selamat dan tidak mengalami ancaman kepupusan dalam jangka panjang.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa dialek Kelantan di Tumpat, Kelantan, kekal vital dan berfungsi secara berkesan dalam pelbagai domain, termasuk jual beli, pekerjaan, dan agama. Penggunaan yang berterusan dalam interaksi sosial harian, baik dalam konteks perniagaan di pasar, persekitaran pekerjaan, mahupun ceramah agama, mencerminkan kekuatan dan kestabilan dialek ini. Dalam hal ini, dialek Kelantan bukan sahaja menyatukan masyarakat tempatan tetapi juga melestarikan warisan budaya mereka dalam era globalisasi, menunjukkan tiada ancaman signifikan terhadap kesinambungan bahasa tersebut antara generasi.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para informan masyarakat di Jajahan Tumpat, Kelantan.

RUJUKAN

- Azrizan Abu Bakar & Karim Harun 2015. Penggunaan kata ganti nama dialek Kelantan dalam aplikasi WhatsApp. *Jurnal Melayu*, 14(2), 291-310.
- Adi Yasran Abdul Aziz. 2011. Suku kata dasar dialek Kelantan berdasarkan Teori Optimaliti. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 11(2): 121-135.
- Adi Yasran Abdul Aziz. 2012. Analisis koda berdasarkan kekangan dalam dialek Kelantan. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 12(4): 1127-1145.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2015. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi Kedua, Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Clark, H. H., & Clark, E. V. 1997. *Psychology and language: An introduction to psycholinguistics*. Harcourt Brace College Publishers.
- Creswell, J. W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. SAGE Publications.
- Fishman, J. A., & Greenfield, L. (Eds.). 1970. *Readings in the sociology of language*. Mouton.
- Fishman, J. A. 1971. The Sociology of Language: An Interdisciplinary Social Science Approach to Language in Society. Dlm. Fishman, J.A. (pnyt). *Advances in Sociology of Language*, hlm. 217-405. The Hague: Mouton.
- Fishman, J. A. 1991. *Reversing language shift: Theoretical and empirical foundations of assistance to threatened languages*. Multilingual Matters.
- Giles, H., Bourhis, R. Y., & Taylor, D. M. 1977. Towards a theory of language in ethnic group relations. Dalam H. Giles (Ed.), *Language, Ethnicity and Intergroup Relations* (hlm. 307-348). Academic Press.
- Goffman, E. 1959. *The presentation of self in everyday life*. Anchor Books.
- How Soo Ying, Chan Swee Heng, & Ain Nadzimah Abdullah. 2015. Language vitality of Malaysian languages and its relation to identity. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 15(2), 119-136. <https://doi.org/10.17576/gema-2015-1502-08>
- Labov, W. 1972. *Sociolinguistic Patterns*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin, Adi Yasran Abdul Aziz & Mohd Sharifudin Yusop. 2017. Pelestarian dialek Kelantan di Besut dan kaitannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Bahasa*, 17(1), 123-140.
- Najib Noorashid. 2021. Vitaliti semasa bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam. *KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities*, 28(2), 159-187. <https://doi.org/10.21315/kajh2021.28.2.7>
- Portal Majlis Daerah Tumpat. 2020. *Info Tumpat*. <https://mdtumpat.kelantan.gov.my/index.php/mpelawat/info-tumpat/111-info-tumpat>. Pada: 30 Ogos 2024.
- Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. Kepelbagaian varian leksikal dialek di Perak: Pendekatan Geographical Information System. *Akademika* 88(1):137- 152.

- Nur Syahmina Supian, Harishon Radzi, Junaini Kasdan & Siti Noraini Hamzah (2023). Pendokumentasian dan Pemaparan Awal: Analisis Kajian Lapangan di Kelantan Utara. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 11(3), 13–29. <https://doi.org/10.17576/jatma-2023-1103-02>
- UNESCO. (2011). Language vitality and endangerment. *UNESCO Ad Hoc Expert Group on Endangered Languages*. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000183699>
- Winford, D. 2003. *An Introduction to Contact Linguistics*. Oxford: Blackwell Publishing Ltd.
- Zurina binti Abdulah & Ajid bin Che Kob. 2019. Kekangan bunyi urutan vokal konsonan dalam dialek Kelantan: Analisis Teori Optimaliti. *Journal of Social Sciences and Humanities* 16(2): 1-1.

Mohd Khaidir Abdul Wahab (Penulis koresponden)
Bahagian Linguistik Bahasa Melayu
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia
Emel: mohdkhaidir@usm.my

Nur Habibah Che Rosdi
Bahagian Linguistik Bahasa Melayu
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia
Emel: nurhabibahcr@usm.my

Chong Shin
Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: chongshin@ukm.edu.my